



Struktur Generik Perundingan Nabi Yusuf A.S. Dalam Pemulihan Emosi Penghuni Penjara: Analisis Surah Yusuf

Kasmawati Zakaria^{*}, Munif Zarirruddin Nordin

Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2020.01.01.003>

Received 27 July 2020; Accepted 26 November 2020; Available Online 30 December 2020

Abstract: Negotiation with the goal of conflict management requires strategic skills to effectively manage the conflicts. The skills involve the use of effective language that can influence trusts of the opposite. This article presents a generic negotiation structure by Prophet Yusuf a.s. in conflict management. The discussion is centralized on how Propohet Yusuf a.s. handled negotiations in the situation where him and the opposite party were both within the same social hierarchy. Research data comprises of seven versus from the Quran on his imprisonment story in Surah Yusuf, with regards to his dialogues with two men. This is a qualitative research and the analysis is based on religious discourse methodology. The findings from this research showed that the generic structure of negotiation discourse by Prophet Yusuf a.s. follows the “problem-solution” framework. This research also proved that the act of politeness in religious discourse and counselling plays the role in restoring the emotions, providing peace and tranquillity in life, apart from building trust, values, and attention among the prisoners.

Keywords: Religious discourse, generic structure, negotiation language, politeness

Abstrak: Perundingan yang bermatlamatkan penyelesaian konflik memerlukan kemahiran dalam menyusun strategi untuk mengurus konflik dengan berkesan. Kemahiran tersebut melibatkan penggunaan bahasa yang efektif yang boleh mempengaruhi kepercayaan pihak lawan. Oleh itu, makalah ini membincangkan struktur generik perundingan Nabi Yusuf a.s. dalam penyelesaian konflik. Perbincangan difokuskan kepada cara Nabi Yusuf a.s. mengendalikan perundingan dalam situasi baginda yang sama strata sosial dengan pihak lawan. Data kajian terdiri daripada tujuh ayat al-Quran daripada peristiwa pemenjaraan Nabi Yusuf a.s. dalam surah Yusuf yang terdiri daripada dialog baginda bersama dua orang pemuda. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan dianalisis menggunakan metode analisis wacana agama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa struktur generik wacana perundingan Nabi Yusuf a.s. mengikut kerangka “permasalahan-penyelesaian”. Kajian ini juga membuktikan peranan bahasa santun dalam memulihkan emosi, memberi kedamaian, ketenangan dan kesejahteraan hidup di samping menanam kepercayaan, nilai dan perhatian penghuni penjara yang disalurkan melalui wacana genre agama dan genre kaunseling.

Kata Kunci: Wacana agama, struktur generik, bahasa perundingan, kesopanan

1. Pendahuluan

Perundingan merupakan interaksi sosial yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni. Dalam situasi konflik intrapersonal khususnya, peranan perundingan dimainkan oleh pihak ketiga dalam usaha menyelesaikan konflik dalaman bagi mengembalikan kesejahteraan dan kedamaian jiwa (Zawawi; Sham & Ismail, 2019).

*Corresponding author: drkas2017@gmail.com

2020 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jqsr

Konflik intrapersonal atau konflik dalaman dialami oleh individu oleh sebab kecewa terhadap sesuatu yang belum tercapai. Kesannya, seseorang individu akan mengalami ketegangan, keresahan, tekanan jiwa dan kekecewaan yang sekiranya tidak ditangani dengan baik, ia boleh memberi kesan kepada individu yang lain. Untuk menangani konflik dalaman ini, peranan pihak ketiga melalui kaedah perundingan sangat diperlukan sebelum ia menjadi lebih tegang dan kritikal. Kelebihan perundingan diperakui kerana kaedah ini merupakan interaksi secara bersemuka bagi tujuan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah melalui perbincangan secara terbuka.

Dalam Islam, model-model perundingan dalam penyelesaian konflik diperoleh daripada al-Quran dan sunnah, iaitu dua rujukan utama umat Islam. Peristiwa-peristiwa perundingan di dalam al-Quran dirakam dalam bentuk dialog, seperti dialog antara Allah s.w.t. dan malaikat, Allah s.w.t. dan iblis, serta para nabi dan pengikutnya (Latif, 2014). Begitu juga dengan hadis tentang perundingan, yang di antaranya menyebut tentang perundingan kekeluargaan, politik, dan sebagainya (Nasir, 2018). Dialog-dialog tersebut menunjukkan penghujahan sentiasa berlaku untuk mempertahankan pandangan, kepercayaan, dan amalan. Berbeza dengan kajian Barat, model perundingan diperoleh daripada kajian-kajian empirikal. Perbezaan yang ketara ini disebabkan oleh pemahaman tentang mukjizat ilmu (i'jāz al-ilm) dalam al-Quran yang tidak dikembangkan mengikut konteks realiti semasa (al-Ghazālīy, 2005).

Menurut al-Ghazālīy (2005), al-Quran mengungkap sejarah kenabian yang selari dengan peradaban dunia. Kisah-kisah dalam al-Quran menyelit kaedah-kaedah penyelesaian masalah kemasyarakatan yang boleh dilanjutkan dengan kajian kebahasaan. Hal ini kerana keberkesanan sesuatu perundingan turut bergantung pada fungsi bahasa untuk memujuk, menasihati, membimbing dan menyalurkan kasih sayang apabila berhadapan dengan konflik (Omar, 2000). Peristiwa perundingan Nabi Yusuf a.s. dengan rakan-rakan dalam penjara antara bukti yang dirakamkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran. Melalui bahasa rabbani, kekuatan bahasa perundingan Nabi Yusuf a.s. diteliti untuk memperlihatkan hala tuju perundingan baginda dalam memulihkan emosi rakan sepenjara baginda serta memberi kedamaian dan kesejahteraan jiwa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk (a) meneliti struktur generik wacana perundingan Nabi Yusuf a.s. serta (b) mengenal pasti strategi perundingan yang digunakan oleh Nabi Yusuf a.s.

2. Ulasan Karya

Al-Quran merakamkan beberapa peristiwa perundingan yang menjadi pilihan para pengkaji seperti kisah Nabi Sulaiman dengan Ratu Saba' (Jusoh@Yusoff, 2014), Nabi Ibrahim dengan ayah baginda (Sharif & Abdelali, 2020) serta Nabi Yusuf a.s. dengan isteri al-Azīz (Murshidi & Musa, 2012). Kejayaan sesuatu perundingan bergantung pada keupayaan perunding menggunakan bahasa secara berkesan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mulholland (1991) bahawa perunding perlu mengenali kuasa bahasa dan memahami potensi bahasa sebagai alat perundingan.

Bahasa dalam konteks perundingan yang dimaksudkan ialah bahasa penggunaan sebenar (Aman, 2011) yang dimanfaatkan oleh perunding dalam kehidupan sosial melewati penggunaan ayat yang teratur dan pemilihan kata yang tepat di samping kemahiran-kemahiran lain seperti sosiolinguistik dan pragmatik (Omar, 2000; 2010). Awang Sariyan (2007) menyatakan bahawa ketiga-tiga kemahiran tersebut iaitu kemahiran linguistik, sosiolinguistik, dan juga pragmatik merupakan asas kesantunan berbahasa di dalam sesuatu masyarakat dan amat penting bagi sesebuah masyarakat. Menurut beliau juga, kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Justeru, bahasa dilihat sebagai adunan aktiviti berbahasa dan sosial yang terhasil daripada hubungan dialektik antara kedua-duanya. Sebagai contoh, bahasa dibentuk oleh kuasa dalam struktur sosial, praktis sosial dan agen sosial (Fairclough, 2003).

Selain faktor bahasa, struktur generik sesuatu wacana turut memberi gambaran pemahaman tentang tujuan penghasilan sesuatu wacana. Menurut Fairclough (2003), struktur generik ialah struktur atau organisasi keseluruhan teks. Wacana politik seperti manifesto dan ucapan umpamanya, berkerangka pemikiran "matlamat-pencapaian" (Aman, 2008; 2011). Secara lazimnya, wacana ucapan mempunyai struktur komponen pembukaan, badan, dan penutup, namun struktur komponen boleh berubah berdasarkan penilaian terperinci terhadap teks. Kajian Aman (2011) berkenaan ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam, iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak, mendapati bahawa struktur generik ucapan tersebut diorganisasikan kepada enam substruktur utama; Penghargaan, Retrospeksi, Matlamat, Tindakan, Iltizam dan Ajakan.

Berbanding wacana berkerangka "permasalahan-penyelesaian", kerangka ini kerap dipraktikkan oleh kebanyakan wacana (Hoey, 2001). Antara faktor kekerapan amalan kerangka sedemikian menurut Hoey (2011) adalah kerana permasalahan sering terjadi dalam kehidupan manusia dan perlu ditangani dengan penyelesaian. Patton (2005) turut menyokong kepentingan kerangka ini khususnya apabila melibatkan faktor perhubungan serta kebangkitan pelbagai isu dengan keterlibatan banyak pihak. Justeru, kerangka ini menjadi tumpuan dalam strategi menangani kehidupan sosial.

3. Kerangka Teori

Bahagian ini membincangkan kerangka teori yang digunakan dalam analisis kajian in, iaitu struktur generik dan strategi komunikasi dan kesopanan.

3.1. Struktur Generik

Struktur generik ialah struktur atau organisasi keseluruhan teks. Analisis struktur generik adalah berkenaan nilai strategi genre yang bersifat hala-tuju (*purpose-driven*) (Fairclough, 2003). Menurut beliau, “*the privileging of purpose goes along with a view of genre analysis as primarily concerned with “staging”, differentiating genres in terms of their generic structure... We need to look for staging in analysing texts and interactions, but not expect to always find that they are organized in terms of a clear generic structure*”. Dalam memastikan struktur generik dalam teks tampak jelas, Aman (2011) mencadangkan agar kaedah mengesan unsur tertentu dalam teks digunakan dan kemudiannya melabelkan unsur tersebut.

Analisis struktur generik dapat menentukan kerangka teks yang dihasilkan sama ada berbentuk ‘permasalahan-penyelesaian’ (*problem-solution*), matlamat-pencapaian (*goal-achievement*), peluang-pengambilan (*opportunity-taking*), keinginan-pengabulan (*desire arousal-fulfillment*) dan jurang ilmu-pengisian (gap in knowledge-filling) (Hoey, 2001). Antara kerangka-kerangka teks tersebut, kerangka ‘permasalahan-penyelesaian’ menjadi keutamaan dan pilihan pengkaji khususnya dalam strategi menangani kehidupan sosial harian manusia baik dari ekonomi, sosial mahupun politik (Aman, 2011).

Menurut Hoey (1994), struktur wacana berkerangka ‘permasalahan-penyelesaian’ terdiri daripada situasi, masalah, tindak balas dan penilaian. Kerangka ‘permasalahan-penyelesaian’ menekankan pengenalanpastian ‘masalah’ yang wujud melalui ‘situasi’ yang kemudiannya memerlukan ‘tindak balas’. Penyelesaian pula mengandungi maksud penilaian kepada tindak balas sebagai berjaya. Menurut Aman (2011) kerangka ‘permasalahan-penyelesaian’ adalah “lebih inovatif, kreatif, kritis, dan refleksif serta berupaya melihat sesuatu dengan cara lain”.

3.2. Strategi Komunikasi dan Kesopanan

Kajian ini menggunakan strategi komunikasi dan kesopanan yang dicadangkan oleh Omar (2000). Strategi komunikasi beliau adalah berbeza dengan strategi-strategi dalam model Brown & Levinson (1987) kerana strategi komunikasi kedua-dua sarjana Barat tersebut mempunyai motif untuk mencapai keinginan-keinginan tertentu. Menurut Omar (2000), kesopanan bukanlah strategi semata-mata tetapi yang lebih asas daripada itu ialah kesopanan merupakan ciri budaya yang menghendaki ahli-ahli masyarakat bersopan santun dan menghormati satu sama lain.

Omar (2000) berpandangan, strategi merupakan kaedah yang digunakan oleh pemeran untuk mencapai tujuan tertentu. Jika strategi dikaitkan dengan kesopanan, maka strategi itu sendiri hendaklah ditandai oleh kesopanan. Strategi yang menandai kesopanan melibatkan enam faktor berikut. Pertama, pengakuan adanya perkaitan peranan antara pemeran. Omar (2000) menghuraikan perkaitan peranan menghendaki pemeran-pemeran bukan setakat menjalankan peranan dan mematuhi peraturan giliran, tetapi juga mengakui peranan yang dijalankan oleh pemeran lain melalui tutur katanya. Kedua, kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara pemeran khususnya dalam pertemuan bersemuka. Ketiga, kesedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu. Faktor keempat ialah menjaga air muka. Omar (2000) menjelaskan bahawa “air muka” dalam budaya Melayu mempunyai pengertian yang lebih luas dan mendalam daripada “muka” dalam pengertian yang ditimbulkan oleh Brown & Levinson (1987). “Muka” berasaskan keinginan mencapai sesuatu tujuan, sedangkan “air muka” berasaskan maruah dan martabat. Kelima, kepatuhan pada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasaan untuk mengelakkan daripada ketergendalaan dari sudut masa atau kekeliruan dalam perbincangan. Keenam, kepatuhan pada peraturan mesyuarat yang melibatkan keanggotaan, perkara giliran, korum, jangka masa, notis, minit mesyuarat dan berbagai-bagai lagi.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian kualitatif berasaskan analisis wacana teks agama. Teks agama yang dipilih ialah wacana pengisahan al-Quran daripada surah Yusuf. Teks yang bersifat naratif ini sangat sesuai menjadi data kerana mengandungi penggunaan bahasa seperti dialog. Kajian ini hanya memanfaatkan tujuh ayat daripada surah Yusuf bermula daripada ayat 36 hingga ayat 42, mewakili sembilan dialog berkenaan perundingan Nabi Yusuf a.s. bersama dua orang pemuda di dalam penjara.

Wacana dianalisis berdasarkan struktur atau struktur generik naratif Muntigl (2004). Mengikut Muntigl (2004), struktur generik naratif distrukturkan daripada komponen ringkasan, pengenalan, masalah, penilaian, penyelesaian dan pengajaran/koda. Daripada enam komponen tersebut, tiga daripadanya adalah komponen utama yang menjadi asas kepada pembinaan teks naratif, iaitu masalah, penilaian dan penyelesaian.

Seterusnya, daripada setiap substruktur, wacana dianalisis pada aras ayat dan perkataan. Unit substruktur berkenaan ditandakan dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat nombor dialog, ayat dan subjek untuk memudahkan pengesanan tempat kehadirannya. Sebagai contoh, nombor rujukan 1.36 (RP1), 1.36 bermakna dialog dan ayat al-Quran manakala (RP1) bermakna rakan penjara pertama. Selain itu, subjek yang bertanda (RP2) bermakna rakan penjara kedua dan (Y) bermakna Nabi Yusuf a.s. Analisis struktur generik dimulai dengan menentukan substruktur dalam wacana, isi serta tujuan pewacana bertindak sedemikian. Daripada analisis struktur generik, kerangka teks yang dihasilkan kemudiannya dikenal pasti hala tuju wacananya. Kemudian, berpedomankan teori kesopanan Omar (2000), strategi perundingan diteliti melalui perkataan yang membawa maksud tutur kata yang sopan dan kemudiannya perkataan tersebut digarisbawahi.

5. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian, merangkumi struktur generik dan strategi perundingan Nabi Yusuf a.s. dengan rakan sepenjara baginda.

5.1. Struktur Generik Perundingan Nabi Yusuf a.s. dengan Rakan Sepenjara

Wacana perundingan Nabi Yusuf a.s. dipetik daripada wacana pengisahan al-Quran surah Yusuf. Berdasarkan analisis mendalam terhadap wacana pengisahan al-Quran, didapati bahawa struktur generik perundingan Nabi Yusuf a.s. dengan rakan sepenjara baginda diorganisasikan daripada tiga subbahagian utama secara turutan, iaitu PERMASALAHAN, AJAKAN dan PENYELESAIAN (lihat Jadual 1). Perundingan bermula daripada ayat 36 hingga ayat 42 dalam surah Yusuf dan ditandai dengan dialog bernombor awalan 1. Ini bermakna, substruktur permasalahan terbina daripada dialog dan ayat 1:36-3:36, diikuti substruktur ajakan 4:37-7:40 dan substruktur penyelesaian 8:41.

Jadual 1 - Struktur generik perundingan Nabi Yusuf a.s. dengan rakan sepenjara

Struktur Generik	Dialog dan Ayat	Isi	Tujuan Tindakan	
PERMASALAHAN	1:36 (RP1)	Sesungguhnya aku <u>bermimpi</u> melihat diriku memerah anggur.	Mendengar dan meraikan luahan emosi kedua-dua rakan baginda	
	2:36 (RP2)	Sesungguhnya aku <u>bermimpi</u> melihat diriku menjunjung roti atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung.		
	3:36 (RP1 & RP2)	<u>Terangkanlah</u> kepada kami akan takbirnya. Sesungguhnya kami memandangnya: dari orang-orang yang berbuat kebaikan (untuk umum).		
PENGAKUAN	4:37(Y)	(Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan <u>aku juga dapat memberitahu</u> kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa yang <u>diajarkan kepadaku oleh Tuhanku</u>	Menanam keyakinan tentang kebenaran ilmu takwil yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t.	
AJAKAN		Dengan sebab itu aku <u>meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah</u> serta <u>tidak pula percayakan hari akhirat</u>	Menggalakkan untuk mempercayai kewujudan Allah s.w.t. dan hari akhirat	
	RETROSPEKSI	5:38(Y)	Dan <u>aku</u> menurut Agama <u>bapa</u> dan <u>datuk nenekku</u> : Ibrahim dan Ishaq serta Ya'qub...	Memberikan kepercayaan bahawa risalah agama yang dibawa adalah sama dengan agama para nabi terdahulu
	RENUNGAN	6:39(Y)	Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, <u>memuja dan menyembah berbilang-bilang Tuhan Yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa?</u>	Mengajak berfikir kekurangan pada tuhan-tuhan yang bercerai-berai dan kebaikan Allah Yang Maha Esa lagi Maha Kuasa
	7:40(Y)	Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah <u>nama-nama yang kamu menamakannya</u> , kamu dan datuk nenek kamu		
		Yang demikian itulah <u>agama yang betul</u> , tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.	Menawarkan agama yang benar yang tidak diketahui oleh manusia	

Struktur Generik	Dialog dan Ayat	Isi	Tujuan Tindakan
PENYELESAIAN	8:41(Y)	Wahai sahabatku berdua yang sepenjara! (Takbir mimpi kamu itu ialah): Adapun salah seorang dari kamu, maka ia akan <u>memberi minum arak kepada tuannya</u> . Ada pun yang seorang lagi, maka ia <u>akan dipalang</u> , <u>serta burung pula akan makan dari kepalanya</u> . Telah <u>selesai</u> (dan tetapkan berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu.	Menegaskan takwilan mengikut ketetapan Allah s.w.t.

5.2. Strategi Perundingan

Nabi Yusuf a.s. menggunakan strategi perundingan yang ditandai oleh kesopanan dalam tutur kata. Dalam bahagian ini, kesopanan melibatkan faktor-faktor seperti kesedaran adanya perbezaan taraf sosial dan menjaga air muka.

5.2.1. Perbezaan Taraf Sosial

Dalam perundingan, Nabi Yusuf a.s. sedar akan hubungan baginda dengan rakan sepenjara baginda. Baginda menggunakan kata gelaran yang sesuai terhadap rakan-rakan baginda seperti contoh (a) berikut:

(a) 6:39(Y)

بُصْحَيِّ السَّجْنِ أَرْبَابَ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمْ اللَّهُ أَلْوَجْدُ الْقَهَّارُ ٣٩

Bermaksud: “*Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang Tuhan Yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa?*”

(Surah Yūsuf 12: 39)

Dalam contoh (a), kata gelaran yang digunakan menunjukkan bahawa baginda meraikan kehadiran mereka berdua yang sama kedudukan dengan baginda sebagai rakan sepenjara. Gelaran sedemikian menunjukkan kasih sayang baginda terhadap mereka tanpa ada jurang walaupun pada hakikatnya kedudukan baginda sebagai seorang nabi adalah lebih mulia daripada mereka. Strategi perundingan yang sedemikian membina hubungan yang akrab antara mereka dan membantu proses penyebaran dakwah dengan lebih berkesan.

5.2.2. Menjaga Air Muka

Dalam berdakwah, Nabi Yusuf a.s. menggunakan strategi menjaga air muka ketika menyeru rakan-rakan baginda meninggalkan agama mereka. Nabi Yusuf a.s. mengelakkan pertuturan baginda daripada mengeluarkan bahasa yang berunsur hinaan, celaan, dan cercaan, malah memilih kata yang tidak menyinggung perasaan rakan-rakan baginda seperti dalam contoh (b) dan (c) berikut:

(b) 4:37(Y)

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِيَهُ إِلَّا نَبَأْتُكُمَا بِنَأْيِيهِ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَكُمَا ذَلِكَمَا مِمَّا عَلَّمَنِي رَبِّيَ إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ٣٧

Bermaksud: “*Yusuf menjawab: (Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanku. Dengan sebab itu aku meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah s.w.t. serta tidak pula percayakan hari akhirat*”.

(Surah Yūsuf 12: 37)

(c) 4:37(Y)

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِيَهُ إِلَّا نَبَأْتُكُمَا بِنَأْيِيهِ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَكُمَا ذَلِكَمَا مِمَّا عَلَّمَنِي رَبِّيَ إِنِّي تَرَكْتُ مِلَّةَ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ٣٧

Bermaksud: “*Yusuf menjawab: (Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa Yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanku. Dengan sebab itu aku meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah s.w.t. serta tidak pula percayakan hari akhirat*”.

(Surah Yūsuf 12: 37)

Dalam contoh (b), Nabi Yusuf a.s. menggunakan pendekatan bersifat mengajak ketika berdakwah. Baginda tidak memaksa mereka meninggalkan agama nenek moyang mereka tetapi meletakkan diri baginda dalam situasi mereka dengan mengaku meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah s.w.t. serta tidak percaya kepada hari akhirat. Dalam ayat ini, baginda menggunakan bahasa halus dan lembut untuk menarik perhatian rakan-rakan baginda. Melalui ilmu yang dikurniakan oleh Allah s.w.t., baginda memberikan kepercayaan kepada mereka untuk memberitahu apa yang diketahui oleh baginda. Dalam contoh (c) pula, Nabi Yusuf a.s. mengisytiharkan penggunaan kata 'kaum' kepada orang-orang kafir dalam kalangan masyarakat Kan'an, iaitu tempat baginda dilahirkan serta masyarakat Mesir, iaitu tempat baginda membesar. Secara tidak langsung, perkataan 'kaum' tersebut turut merangkumi rakan-rakan baginda yang tidak dinyatakan secara terang-terangan. Tindakan baginda yang sedemikian menunjukkan strategi perundingan yang menitik beratkan penggunaan bahasa yang sopan dalam berdakwah.

6. Kesimpulan

Kajian ini mendapati perundingan Nabi Yusuf a.s. distrukturkan daripada substruktur permasalahan, ajakan (penilaian) dan penyelesaian. Analisis wacana ini membuktikan bahawa struktur generik wacana perundingan Nabi Yusuf a.s. dapat menggambarkan hala tuju perundingan baginda. Walaupun hala tuju perundingan baginda ialah 'permasalahan-penyelesaian', namun matlamat utama perundingan baginda adalah untuk mempengaruhi kepercayaan, nilai dan tindakan rakan-rakan baginda untuk beriman kepada Allah s.w.t. Berdasarkan struktur generik tersebut, Nabi Yusuf a.s. tidak segera menyelesaikan permasalahan rakan baginda sebaliknya struktur penyelesaian berada di bahagian akhir perundingan. Tindakan baginda yang sedemikian memperlihatkan genre wacana agama diutamakan dalam perundingan memulihkan emosi rakan-rakan baginda di samping genre wacana kaunseling. Wacana genre kaunseling pula dibuktikan dengan penggunaan bahasa halus dan sopan dengan kesedaran adanya perbezaan taraf sosial antara kedua-dua belah pihak serta menjaga air muka.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan para editor atas kerjasama yang diberikan dalam menerbitkan artikel ini. Adalah diharapkan kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Rujukan

- Ahmad Murshidi Mustapha & Nik Yusri Musa. (2012). Salah laku seks: Kajian melalui kisah Nabi Yusuf dan Nabi Lut dalam al-Quran. dalam Seminar RECOVH.
- Ahmadulhadi Sharif & Bey Zekkoub Abdelali. (2020). The Quranic approach in preaching to Allah: Referring to the story of the Prophet Ibrahim (PBUH). *Al-Qanadir*, 18(1).
- Al-Ghazali, Muhammad. (2005) *Kaif nata'amal ma'a al-Qur'an?* Kaherah: Nahdet Misr.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Carik-carik bulu ayam: Kisah runding bahasa dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bruce Patton. (2005). *Negotiation*. Dlm Moffitt, M.L. dan Bordone, R.C. (Penyunting). *The Handbook of Dispute Resolution*. San Francisco, CA, USA: Jossey-Bass.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan Kuasa: Analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-11. *Akademika*, 72, 69–96.
- Idris Aman. (2011). *Mengurus wacana dan kepimpinan: Analisis ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam*. Bahasa, 11(2), hlm. 235–272.
- Joan Mulholland. (1991). *The Language of Negotiation*. London: Routledge.
- Michael Hoey. (1994). *Signalling in discourse: A functional analysis of a common discourse pattern in written and spoken English*. Dlm *Advances in Written Text Analysis*, 219–228.
- Michael Hoey. (2001). *Textual interaction: An introduction to written discourse analysis*. London: Routledge.
- Mohd. Abdul Nasir Abd Latif. (2014). *Wacana komunikasi dalam al-Quran: Satu analisis terhadap dialog dua hala*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nasir. (2018). Nilai oralitas dalam Sistem Syura (Satu Model Sistem Politik Berdasarkan Hadis). *Al-Ulum*, 18 (1), hlm. 1-18.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2015). *Ilm al-Tafsir and Critical Discourse Analysis : A Methodological Comparison*. *Journal of Language and Social Psychology*, 15(Februari), hlm. 129–142.
- Noor Izzati Mohd Zawawi, Fariza Md. Sham, and A'dawiyah Ismail. (2019). Stress according to the western and Muslim scholars. *International Journal of Islamic Thought*, 16, hlm. 85–97.
- Norman Fairclough. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London and New York: Taylor & Francis Routledge.

- Penelope Brown & Stephen C. Levinson. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge Uni. Press.
- Peter Muntigl. (2004). *Narrative Counselling: Social and linguistic processes of change*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Yus'aiman Jusoh@Yusoff. (2014) *Pembebasan sebagai tema perjuangan: Analisis terhadap karya kreatif Hamka*. Universiti Utara Malaysia.